



Korpus dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Senangnya Mengajar, Seronoknya Belajar

Naemah Md. Noor¹, Mohammad Syawal Narawi² & Mohd. Isha Awang³
^{1,2,3}Universiti Utara Malaysia

Article Info

Received:
24 January 2020

Accepted
16 March 2020

Publish
16 April 2020

E-mail adress:

*corresponding Author :
*naemahmn@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Korpus adalah antara himpunan data mentah yang digunakan untuk tujuan penyelidikan. Data bagi sesuatu sumber korpus disimpan dalam bentuk tulisan atau teks dan sumber data ini terdiri daripada pelbagai bahan seperti buku, teks sastera, akhbar, dan kertas kerja. Kajian yang menggunakan data korpus lazimnya dalam bidang linguistik. Sungguhpun begitu, bidang pendidikan bahasa boleh memanfaatkan sumber daripada korpus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Sumber korpus seperti Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malay Civilization UKM, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dan Malay Concordance Project (MCP) adalah antara sumber korpus yang boleh dimanfaatkan untuk pengajaran Bahasa Melayu. Kajian bersifat deskriptif tentang keupayaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu telah memanfaatkan Google Forms dan kaedah temu bual sebagai instrumen kajian. Kajian yang melibatkan guru dan murid di sebuah daerah di negeri Kedah menunjukkan guru dan murid bersetuju bahawa korpus memudahkan guru untuk mengajar manakala murid pula seronok untuk belajar kerana mereka akan bertindak sebagai penyelidik bahasa. Dengan demikian, penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu akan memberi manfaat dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana maklumat kebahasaan daripada korpus ialah maklumat tentang bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam situasi sebenar. Oleh hal yang demikian, korpus wajar digunakan oleh guru sebagai alat atau bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa memandangkan keupayaannya memberikan maklumat kepada pengguna bahasa.

Kata kunci: Korpus, data korpus, pendidikan bahasa, pengajaran Bahasa Melayu

Pengenalan

Perubahan dalam sistem pembelajaran Tingkatan Enam yang bertukar daripada sistem terminal kepada sistem modular telah menyebabkan pelajar di Tingkatan Enam kini belajar dalam sistem semester seperti pengajian di pusat pengajian tinggi. Hal ini menyebabkan guru-guru Tingkatan Enam dan pelajar-pelajar Tingkatan Enam perlu bersedia menghadapi perubahan ini dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian ilmu bagi guru-guru dan kaedah memperoleh ilmu bagi pelajar-pelajar. Oleh itu, sejajar dengan ledakan teknologi kini, guru-guru Tingkatan Enam dan pelajar-pelajar Tingkatan Enam perlu memanfaatkan kelebihan yang ditawarkan oleh teknologi untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan korpus merupakan alternatif kepada guru dalam mendepani cabaran dalam dunia pendidikan pada masa ini. Inovasi dalam penggunaan korpus membolehkan guru dan pelajar meneliti fenomena bahasa dengan bantuan komputer. Penggunaan data korpus berkomputer menunjukkan bahawa data yang dikehendaki boleh diproses oleh komputer secara pantas kerana mempunyai standard rujukan tersendiri selain mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, data korpus berkomputer sangat sesuai digunakan untuk pengajaran bahasa. Rusli Abdul Ghani, Nor Hafizah Mohamed Husin dan Chin Lee Yim (2004) berpendapat pembinaan data korpus bertujuan untuk menyediakan suatu kemudahan meneliti fenomena bahasa secara objektif dan autentik sifatnya kepada para penyelidik bahasa Melayu. Hal ini bertujuan agar data yang diperoleh daripada kajian berdasarkan korpus ini dapat menggambarkan perilaku tipikal kata dan frasa bahasa Melayu dalam persekitaran penggunaan sebenar. Tambahan pula, data ini turut digunakan sebagai asas untuk menyusun entri dalam aktiviti perkamusan, dalam bidang tatabahasa dan penulisan buku-buku yang berkaitan dengan bahasa.

Para sarjana telah mengenal pasti data korpus sebagai data autentik yang memberikan gambaran yang jelas tentang cara masyarakat menggunakan bahasa. Selain itu, data korpus membolehkan seseorang menganalisis kepelbagaian bahasa pada peringkat dan konteks yang berbeza-beza (Ebrahim Panah, Melor Md. Yunus, Mohamed Amin Embi, dan Siti Nordiana Kamaruzaman, 2014). Hal ini membuktikan bahawa data korpus mampu memberi pendedahan kepada pelajar tentang situasi sebenar penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, dengan menggunakan data korpus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru akan berkeyakinan bahawa bahasa yang diajar ialah bahasa yang sebenarnya diamalkan oleh masyarakat (Chambers, Farr, dan O'Riordan, 2011).

Pengajaran Bahasa Melayu berbantuan korpus ini merupakan kaedah yang menarik kerana korpus dapat membekalkan maklumat yang tepat tentang penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, pengaplikasian data korpus dalam pengajaran bahasa dan kajian berkaitan dengan bidang linguistik akan memberikan pengetahuan baharu dan pengalaman yang bermakna kepada guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Sebenarnya, korpus telah lama dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di Barat. Namun demikian, hal yang sebaliknya berlaku di Malaysia. Ternyata, keadaan ini sangat merugikan memandangkan Malaysia mempunyai sumber korpus yang besar seperti yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya kemudahan yang tersedia untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Apakah Korpus Dan Bagaimana Mengaplikasikannya Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu?

Istilah korpus, data korpus atau data korpus berkomputer lazimnya digunakan dalam kajian berkaitan dengan bidang linguistik. Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) mentakrifkan data korpus sebagai kumpulan teks digital yang boleh diproses dengan pelbagai tatacara linguistik komputeran untuk menunjukkan aturan dan hubungan kait sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat. Definisi korpus daripada sarjana yang mengkaji perihal korpus dalam bidang linguistik dan pengajaran bahasa adalah seperti berikut:

“The corpus is a collection of texts-written, transcribed speech, or both – that is stored in electronic form and analysed with the help of computer software programme” (Conrad, 2005)

“A corpus is a collection of text, written or spoken which is stored on a computer.”(O’Keeffe, McCarthy & Carter, 2007)

“In the world of corpus linguistics, a corpus is a large, principled collection of naturally occurring text (written or spoken) stored electronically” (Reppen, 2010)

“A corpus is a collection of naturally occurring language, which has been systematically planned and collected in accordance with principled external design criteria with an a priori purpose in mind, which, in turn, determines the design parameters” (Flowerdew, 2010)

Berdasarkan takrif yang diberikan, korpus dapat disimpulkan sebagai data mentah linguistik dalam bentuk lisan atau tulisan yang terdiri daripada pelbagai maklumat kebahasaan yang boleh diteliti dengan kajian terperinci melalui pelbagai kaedah. Oleh hal yang demikian, Bahasa Melayu yang kaya dengan maklumat bahasa boleh diperincikan maklumat kebahasaannya dengan memanfaatkan sumber korpus seperti Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP), *Malaycivilization* UKM, Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dan *Malay Concordance Project* (MCP) terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

Korpus boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana korpus menawarkan data yang dapat diteliti tentang konkordans, kekerapan perkataan itu hadir dalam sesuatu teks, unsur yang berkolokasi dalam sesuatu perkataan dan paparan data dalam bentuk ayat penuh. Dalam konteks ini, guru Bahasa Melayu boleh memanfaatkan korpus untuk pengajaran dan pembelajaran topik berkaitan dengan Morfologi dan Sintaksis dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam dengan mengaplikasikan korpus sebagai alat bantu mengajar. Pengajaran boleh dilakukan dengan meneliti rumus binaan dalam aspek morfologi dan sintaksis Bahasa Melayu, dan dengan menggunakan korpus juga, guru boleh menjelaskan kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu. Hal ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih interaktif dan mesra pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, berlaku interaksi antara pelajar dan pelajar, serta pelajar dan bahan. Oleh hal yang demikian, pembelajaran berfokuskan pelajar akan terlaksana dengan jayanya.

Pengajaran topik berkaitan dengan Morfologi dan Sintaksis akan lebih memudahkan guru untuk mengajar apabila menggunakan korpus kerana selain mampu memberikan contoh yang

banyak, korpus juga mampu memberikan maklumat berkaitan dengan kata yang berkolokasi dengan perkara yang dipelajari. Aspek ini dapat dilihat dalam rajah berikut:

No.	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	... lebih kecil yang lazimnya dikenali sebagai gen. Gen	ialah	jujukan DNA yang menyimpan maklumat bagi mensintesis molekul ...	MOHD. FIRDAUS RAIH. Peranan Pengkomputeran Pelantar Biologi. Sistem. Sains dan Teknologi, 2016
2	... ialah Allah dan agamaku ialah Islam dan Nabiku	ialah	Muhammad.	AL - ISLAM DISEMBER 1991. Agama, 1991
3	... ialah kekuatannya sendiri, kejahlan orang agar yang tertonjol	ialah	kelimuan peribadinya, atau kekelehan orang agar yang terserlah ...	JAIS SAHOK. Menit. Jalur Pelangi. Sastera, 2015
4	"Yang kita maksudkan ini	ialah	kelab khusus untuk tujuan memupuk perpaduan.	Panel khas pulih perpaduan di universiti akan ditubuh. Nasional, 2002
5	Yang masih kekurangan	ialah	saluran untuk memperkenal hasil R&D institusi ini kepada ...	Mohd Feroz Abu Bakar. Saluran ketegagihan hasil R&D masih kurang. Rencana, 2004
6	... bagi penduduk Amerika Syarikat, Jepun dan Switzerland masing	ialah	75, 77 dan 79 tahun; manakala di Indonesia ...	PENDUDUK SEMENANJUNG MALAYSIA, 1989
7	... syarat paling penting untuk mencapai cita-cita mumi itu	ialah	raykat Malaysia mesti bersatu tanpa mengenal bangsa dan ...	Zainudin Isa; Noorwati Salleh; Sariha Mohd Ali; Rosli Jalli; Zaharah Manan. PM giat rayat kongsi idea majukan negara. Nasional, 2004
8	Agenda seterusnya	ialah	mendukung kepentingan menguasai teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) ...	Syuhada Choo Abdullah. Biro Pendidikan mahu pastikan agenda dilaksana. Pendidikan, 2002
9	Mereka	ialah	Santha Kumaran a/j Gunasekaran, 20. nombor kad pengenalan ...	11 lari dari lompat, dua polis disiasat. Nasional, 2004
10	Yang sulung	ialah	perempuan, 12 tahun.	Hatipah Ahmad. Guna saluran betul elak ditimpa masalah. Rencana, 2004
11	Saranan saya	ialah	agar Ezam dapat membezakan kepentingan politik peribadi dengan ...	Zorro 2000. Ezam khianati negara sendiri. Rencana, 2000
12	Dengan demikian, salah satu daripada tujuan angkatan Perry	ialah	mendapatkan jaminan dari orang Jepun supaya memberi layanan ...	RICHARD STORRY. SEJARAH JEPUN MODEN. Sejarah
13	([alasan untuk tidak memarkannya kepada umum])	ialah	kerana ia sukar untuk mereka fahami dan ia ...	MUHAMMAD ABUL QUASEM. MUTIARA AL-QUR'AN IMAM AL-GHAZALI. Agama, 1983
14	... cabang teknologi yang penting dalam agenda pembangunan negara	ialah	teknologi maklumat (IT).	Abdi Othman in London. Keoh angkara pasport pintar. Mutakhir, 1998
15	Penerafan bagi Korea Selatan	ialah	Ba1 (Moody's) dan BB+ (S&P), Thailand, Ba1 ...	Saidon Idris. Pemimpin ambil pendekatan positif untuk dapatkan dana. Ekonomi, 1998
16	Turut menyaksikan perarakan kira-kira 50 kontinjen itu	ialah	Sultan Selangor dan Cik Puan Besar Datuk Amar ...	Hassan Ahmad; Noorwati Salleh; Rahman Hashim; Jalal Ali Abdul Rahim. Sambutan sederhana tetapi meriah. Nasional, 1998
17	Pertama,	ialah	persaingan yang dihadapinya di peringkat domestik dan antarabangsa, ...	Proton langkapan Malaysia sebagai pengeluar kereta ke-11 dunia. Ekonomi, 2004
18	Berikut	ialah	kadar masa dan tinggi potongan rumput.	NOR AIN MOHD. REJAB. LANDSKAP KEDIAMAN, 1993
19	... telah susut sebanyak 579 jumlah pertambahan yang tinggal	ialah	\$1.441.	WILLIAM R.ROFF. KERJASAMA DAN KOOPERASI DI SEMENANJUNG 1910-1941. Ekonomi, 1984
20	... apa-apa bagi menghalangnya kerana Seri Dewa Raja itu	ialah	seorang yang amat dikasihinya.	A. SAMAD AHMAD. ZAMAN GERHANA. Sastera, 1976

RAJAH 1: Pengajaran Tatabahasa bagi Kata Tugas “ialah”

Berdasarkan Rajah 1, penggunaan korpus akan memudahkan guru menerangkan rumus bagi pengajaran tatabahasa bagi kata tugas “ialah” melalui contoh yang terdapat dalam sistem korpus. Rumus kata tugas “ialah” mestilah diikuti oleh Kata Nama (KN) iaitu “ialah” + KN dan kata-kata lain yang hadir selepasnya adalah salah dari segi rumus tatabahasa. Oleh itu, guru akan mendapat manfaat kerana selain mengajar aspek rumus tatabahasa, pengajaran berkaitan dengan kesalahan bahasa juga dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, ayat nombor 11 dalam data korpus yang terdapat dalam Rajah 1 dapat dijelaskan kesalahannya oleh guru dengan mengemukakan struktur rumus yang sepatutnya iaitu “ialah” mestilah diikuti oleh KN (ialah + KN). Namun demikian, dalam contoh tersebut, struktur binaan bagi kata tugas tersebut terdiri daripada perkataan ialah + kata hubung keterangan. Hal ini akan menyenangkan pelajar memahami penggunaan kata tugas ialah dengan baik. Tambahan pula, guru juga boleh memanfaatkan korpus dengan menerangkan kata yang berkolokasi dengan perkataan “ialah”. Hal ini dapat dirujuk dalam rajah berikut:

No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	... lebih kecil yang lazimnya dikenali sebagai gen. Gen	ialah	jujukan DNA yang menyimpan maklumat bagi mensintesis molekul ...	MOHD. FIRDAUS RAIH. Peranan Pengkomputeran Pelantar Biologi. Sistem. Sains dan Teknologi, 2016
2	... ialah Allah dan agamaku ialah Islam dan Nabiku	ialah	Muhammad.	AL - ISLAM DISEMBER 1991. Agama, 1991
3	... ialah kekuatannya sendiri, kejahlan orang agar yang tertonjol	ialah	kelimuan peribadinya, atau kekelehan orang agar yang terserlah ...	JAIS SAHOK. Menit. Jalur Pelangi. Sastera, 2015
4	"Yang kita maksudkan ini	ialah	kelab khusus untuk tujuan memupuk perpaduan.	Panel khas pulih perpaduan di universiti akan ditubuh. Nasional, 2002
5	Yang masih kekurangan	ialah	saluran untuk memperkenal hasil R&D institusi ini kepada ...	Mohd Feroz Abu Bakar. Saluran ketegagihan hasil R&D masih kurang. Rencana, 2004
6	... bagi penduduk Amerika Syarikat, Jepun dan Switzerland masing	ialah	75, 77 dan 79 tahun; manakala di Indonesia ...	PENDUDUK SEMENANJUNG MALAYSIA, 1989
7	... syarat paling penting untuk mencapai cita-cita mumi itu	ialah	raykat Malaysia mesti bersatu tanpa mengenal bangsa dan ...	Zainudin Isa; Noorwati Salleh; Sariha Mohd Ali; Rosli Jalli; Zaharah Manan. PM giat rayat kongsi idea majukan negara. Na
8	Agenda seterusnya	ialah	mendukung kepentingan menguasai teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) ...	Syuhada Choo Abdullah. Biro Pendidikan mahu pastikan agenda dilaksana. Pendidikan, 2002
9	Mereka	ialah	Santha Kumaran a/j Gunasekaran, 20. nombor kad pengenalan ...	11 lari dari lompat, dua polis disiasat. Nasional, 2004
10	Yang sulung	ialah	perempuan, 12 tahun.	Hatipah Ahmad. Guna saluran betul elak ditimpa masalah. Rencana, 2004
11	Saranan saya	ialah	agar Ezam dapat membezakan kepentingan politik peribadi dengan ...	Zorro 2000. Ezam khianati negara sendiri. Rencana, 2000
12	Dengan demikian, salah satu daripada tujuan angkatan Perry	ialah	mendapatkan jaminan dari orang Jepun supaya memberi layanan ...	RICHARD STORRY. SEJARAH JEPUN MODEN. Sejarah
13	([alasan untuk tidak memarkannya kepada umum])	ialah	kerana ia sukar untuk mereka fahami dan ia ...	MUHAMMAD ABUL QUASEM. MUTIARA AL-QUR'AN IMAM AL-GHAZALI. Agama, 1983
14	... cabang teknologi yang penting dalam agenda pembangunan negara	ialah	teknologi maklumat (IT).	Abdi Othman in London. Keoh angkara pasport pintar. Mutakhir, 1998
15	Penerafan bagi Korea Selatan	ialah	Ba1 (Moody's) dan BB+ (S&P), Thailand, Ba1 ...	Saidon Idris. Pemimpin ambil pendekatan positif untuk dapatkan dana. Ekonomi, 1998
16	Turut menyaksikan perarakan kira-kira 50 kontinjen itu	ialah	Sultan Selangor dan Cik Puan Besar Datuk Amar ...	Hassan Ahmad; Noorwati Salleh; Rahman Hashim; Jalal Ali Abdul Rahim. Sambutan sederhana tetapi meriah. Nasional, 1998
17	Pertama,	ialah	persaingan yang dihadapinya di peringkat domestik dan antarabangsa, ...	Proton langkapan Malaysia sebagai pengeluar kereta ke-11 dunia. Ekonomi, 2004
18	Berikut	ialah	kadar masa dan tinggi potongan rumput.	NOR AIN MOHD. REJAB. LANDSKAP KEDIAMAN, 1993
19	... telah susut sebanyak 579 jumlah pertambahan yang tinggal	ialah	\$1.441.	WILLIAM R.ROFF. KERJASAMA DAN KOOPERASI DI SEMENANJUNG 1910-1941. Ekonomi, 1984
20	... apa-apa bagi menghalangnya kerana Seri Dewa Raja itu	ialah	seorang yang amat dikasihinya.	A. SAMAD AHMAD. ZAMAN GERHANA. Sastera, 1976

RAJAH 2: Kata Berkolokasi bagi Pengajaran Tatabahasa Kata Tugas “ialah”

Berdasarkan Rajah 2, data yang terjana dalam sistem korpus akan memudahkan guru mengajar aspek tatabahasa kerana dengan hanya menekan “jana kolokasi”, korpus akan membekalkan data yang terdapat dalam sistem berkaitan dengan kata yang berkolokasi dengan perkataan “ialah” dalam konteks kiri dan kanan perkataan tersebut. Hal ini sudah semestinya akan menyenangkan guru mengajar dan menyeronokkan pelajar untuk belajar kerana pelbagai maklumat baharu dapat dipelajari oleh mereka. Selain mempelajari rumus ialah mestilah diikuti oleh KN, pelajar juga dapat mempelajari sebelum perkataan “ialah”, kata yang boleh hadir terdiri daripada Kata Nama (kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama), dan Kata Kerja.

Selain topik berkaitan dengan Morfologi dan Sintaksis, korpus juga dapat dimanfaatkan untuk pengajaran dan pembelajaran aspek Dinamika Bahasa Melayu. Kreativiti guru dalam pengajaran akan membolehkan pelajar mempelajari aspek Dinamika Bahasa Melayu dengan berkesan apabila menggunakan korpus memandangkan korpus mampu membekalkan maklumat tentang aspek yang dipelajari dengan pantas. Pengajaran dalam aspek ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	9165940		mentah	dalam saingan ini.	Jones ter hirau cuaca panas. Sukan, 1999
2	11684890	... penyusunan glosari istilah dan kamus istilah bahan-bahan tumbuhan	mentah	seperti daun, bunga, buah, biji, batang, kayu, kulit ...	HALIMAH HAJI AHMAD, PENGURUSAN STRATEGIK DAN PERANCANGAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU. Bahasa
3	1405940	... PE dan PP adalah bahan	mentah	utama untuk pembuatan barangan plastik.	Titan manfaatkan peluang, tingkat keupayaan pengeluaran. Ekonomi, 2002
4	4919447	... yang sudah masak dan ada pula daging yang	mentah	dan busuk.	Puati pendidikan perlu peringkat. Sastera dan Budaya, 1994
5	9792942	... tetapi biarkan, mereka masih anak-anak, mereka masih terlalu	mentah	untuk menilai keberanian seseorang, keperviranan seseorang.	SUATU SUBUH YANG BENING (KUMPULAN CERPEN). Sastera, 1993
6	9780742	Gadis Minah menggapal nasi, Nasi	mentah	dikepal jangan; Bismillah menguat nyanyi, Nyanyiku salah bergesul ...	KURUK KUNDI MERAH SAGA. Sastera, 1990
7	7172740	... orang lain, berbeza dengan Diana yang dianggap gadis	mentah	ketika berkahwin dengan bakal pewaris takhta Britain, Putera ...	Pari-pari baru Britain. Global, 1999
8	1148840	Bagamanapun, Malaysia adalah pengeluar minyak	mentah	kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Indonesia.	Malaysia tidak hadapi inflasi. Zeti, Ekonomi, 2004
9	848740	AUSTRAL Enterprises Bhd membina sebuah kilang minyak sawit	mentah	(MSM) di berhampiran RM24.8 juta di Ladang Derawan di ...	Austral bina kilang MSM mesra alam. Ekonomi, 2001
10	118757999	Hal ini disebabkan stok bahan	mentah	yang banyak memerlukan ruang penyimpanan yang luas dan ...	SAADIAH (BRAHIM). Makanan Rumusan Ikan. Perikanan, 2018
11	9823849	Lalu sekelip mata kusentak segumpal daging	mentah	berlurutan darah segar.	HAMLIN BOLHI. NGAYAU AIR. Sastera, 2001
12	2915841	...tan buah sehtakar setahun atau lapan tan minyak	mentah	bagi keluasan kawasan yang sama, bagi memastikan industri ...	Haji merasot jejas pendapatan. Nasional, 2001
13	2624140	... akan meneruskan usaha supaya Pulau Pinang membayar air	mentah	yang dipam dari Sungai Muda kerana ia adalah ...	Air: Kedah tetap tuntut Pulau Pinang bayar. Nasional, 2004
14	1223486	Harga minyak	mentah	antarabangsa kini berada pada kira-kira AS\$14 satu tong.	Abdul Halim Yusoff. PDB yakin kegawatan tidak jejas perolehan. Ekonomi, 1998
15	4992240	ia termasuk untuk makanan	mentah	seperti daging lembu atau ayam masih belum diperluaskan ...	Sazarina Shahrim. Keadah radasi peringkat keselamatan makanan. Sains dan Teknologi, 2003
16	9811940	... ini telah membuktikan bahawa pendaki Malaysia walaupun pendek	mentah	dalam ekspedisi seperti ini tetapi berkemampuan bersaing di ...	RISALAH JANUARI 1994. Umum, 1994
17	9823241	... rasa pedas atau tidak sedap (seperti rasa rebung	mentah).	JUBANG. Sastera, 1992
18	8081540	Katanya, kini kutipan buah sawit	mentah	hanya dapat dilakukan 1.5 kali sebulan berbanding dua ...	Muhd Yusuf Abu Bakar. Ketidadaan pekerja asing jejas sektor perladangan. Nasional, 2005
19	790341	... alat perubahan yang diperbuat daripada pelbagai jenis bahan	mentah	dan komponen yang digunakan dalam industri pengajaran kesihatan.	Industri peralatan perubahan terus sihat. Ekonomi, 2001
20	9706341	... sekolah merupakan kilang yang memproses muid sebagai bahan	mentah	input supaya menjadi output yang bersedia dan berupaya ...	MOHD. DAUD HAMZAH. PENEROKAAN TEORI KURIKULUM. Pendidikan, 1993
21	2741040	... bagi Asia yang kaya dengan sumber ekonomi, bahan	mentah	dan sumber manusia, terus kekal miskin.	Ban Asia boleh jadi instrumen kewangan. Nasional, 2002
22	7800140	HARGA masa hadapan minyak sawit	mentah	(MSM) di Bursa Malaysia Derivatives ditutup tinggi sedikit ...	SAWIT. Ekonomi, 2006
23	973942	Bellau berkata, di samping itu, permintaan minyak	mentah	terus kukuh, meskipun harganya terus meningkat.	Harga minyak diramat kekal tinggi. Ekonomi, 2004
24	6819240	Kenaikan berkenaan dilakukan ketika harga minyak	mentah	dunia terus berlegar pada paras tinggi dan negara ...	Zainab Mohd Yatim. Kenaikan harga petrol tidak jejas ekonomi. Ekonomi, 2006
25	1296941	... sebarang kerumitan yang dihadapi dalam urusan pengimportan bahan	mentah	itu.”	Maznah Darus. Projek GFB di Vietnam catat dagangan RM500.000. Ekonomi, 1998
26	9736640	... mendakwa bahawa kraf ialah aktiviti yang mengubah bahan	mentah	menjadi barangan yang dirancang dengan menggunakan kemahiran yang ...	HAMIDAH ABDUL HAMID. PENGANTAR ESTETIK. Umum, 1995
27	11873245	500 g etak	mentah	2 batang serai yang diketuk 3 ulas bawang ...	AWENG A/L EHRAC. Etak Lekan Air Tawar. Perikanan, 2018
28	1513540	... dikeluarkan tidak lama lagi kerana harga minyak sawit	mentah	(MSM) adalah mantap pada masa ini dan mereka ...	(Laporan BSKL). Ekonomi, 2002
29	1719440	... (RM1.3 bilion) penyeludupan senjata api, kereta dan minyak	mentah	turut membabitkan pegawai polis tertinggi Xiamen, pegawai kanan ...	Jiang hecom rasuah, tolak demokisasi Barat. Global, 2000
30	4369440	... hakikat dari sebuah negara berasaskan pertanian dan bahan	mentah	. Malaysia di bawah pemerintahan Dr Mahathir berubah menjadi ...	Bar Dr M bersara dengan tenang. Rencana, 2003

RAJAH 3: Pengajaran Dinamika Bahasa Aspek Polisemi bagi Perkataan “Mentah”

Berdasarkan Rajah 3, guru Bahasa Melayu boleh memanfaatkan sumber korpus bagi pengajaran aspek Dinamika Bahasa bagi meneliti perkataan polisemi ‘mentah’. Melalui contoh ayat yang terjana, guru dapat berbincang kepelbagaian set makna bagi perkataan ‘mentah’ dengan mudah dan cepat. Oleh itu, pengajaran guru akan menjadi lebih menarik kerana guru mampu membekalkan maklumat kebahasaan sebenar dalam kuantiti yang banyak dan tidak terhad kepada beberapa contoh sahaja. Dengan demikian, penggunaan data korpus akan membolehkan pelajar bebas meneroka fenomena kebahasaan yang terdapat dalam bahasa yang dipelajari di samping mereka dapat mempelajari aspek perbendaharaan kata menerusi soalan yang dikemukakan oleh guru, dan prinsip-prinsip serta konsep bahasa yang telah dikuasai (Li, 2015).

Selain itu, korpus turut membekalkan maklumat kebahasaan lain yang memudahkan guru dan pelajar mendapat maklumat dengan hanya menaip kata kunci yang diperlukan. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Kata	Takrif	Sumber
berkutu	1. mempunyai kutu : rambutnya ~; 2. = berkutu- kutu mencari kutu di kepala (dgn menyebak-nyebak rambut): lihatlah inangda ini duduk di muka tangga berkutu- kutu dgn segala dayang;	Kamus Dewan Edisi Keempat
berkutu	1 ada kutu : Rambutnya ~. 2 = berkutu- kutu mencari kutu di kepala (dgn menyingkap-nyingkap rambut).	Kamus Pelajar Edisi Kedua
budaya (tabiat) lepak	amalan negatif di kalangan masyarakat, spt di kalangan remaja yg menghabiskan masa dgn duduk-duduk tanpa melakukan kegiatan yg berfaedah: budaya ~ yg pd peringkat awalnya dilakukan oleh kutu-kutu jalan telah diikuti oleh remaja;	Kamus Dewan Edisi Keempat
lepak	(lépak); budaya (tabiat) ~ amalan negatif di kalangan masyarakat, spt di kalangan remaja yg menghabiskan masa dgn duduk-duduk tanpa melakukan kegiatan yg berfaedah: budaya ~ yg pd peringkat awalnya dilakukan oleh kutu-kutu jalan telah diikuti oleh remaja; melepak 1. dim keadaan terlalu lelah, melepek; 2. berbuat sesuatu yg tidak mendatangkan faedah (spt duduk-duduk di kompleks membeli-belah tanpa tujuan, berbual-bual kosong, dll); pd prinsipnya, remaja yg suka ~ itu merupakan mereka yg tidak mempunyai pekerjaan.	Kamus Dewan Edisi Keempat
berkutu- kutu	mencari kutu di kepala (dgn menyebak-nyebak rambut): lihatlah inangda ini duduk di muka tangga berkutu- kutu dgn segala dayang;	Kamus Dewan Edisi Keempat
berkutu- kutu	mencari kutu di kepala (dgn menyingkap-nyingkap rambut).	Kamus Pelajar Edisi Kedua
kutu	binatang halus spt tuma yg menghisap darah manusia atau binatang (terdapat pd rambut manusia, bulu binatang dll); <i>Pediculus spp.</i> . ~ anjing; ~ babi; ~ daun. ~ embun ki orang yg suka merayau-rayau dgn tidak tentu tujuan pd malam hari. ~ jalan orang yg suka merayau-rayau di jalan tanpa tujuan. berkutu 1 ada kutu . Rambutnya ~. 2 = berkutu- kutu mencari kutu di kepala (dgn menyingkap-nyingkap rambut. mengutui menyelisik rambut seseorang utk mencari kutu .	Kamus Pelajar Edisi Kedua

RAJAH 4: Pengajaran Dinamika Bahasa bagi Perkataan “Kutu”

Berdasarkan Rajah 4, penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam akan memudahkan guru mendapatkan maklumat berkaitan dengan perkara yang dipelajari pada hari itu dengan senang dan mudah kerana maklumat yang diperlukan berada pada hujung jari sahaja. Contohnya, dalam pengajaran Dinamika Bahasa bagi makna denotasi dan makna konotasi perkataan “kutu”, guru hanya perlu melayari laman web PRPM bagi mendapatkan makna perkataan tersebut yang terdapat dalam kamus. Seterusnya, hal ini boleh dibincangkan dengan pelajar di dalam kelas dan hal ini akan menyeronokkan pelajar untuk belajar kerana mereka tidak lagi perlu bersusah-payah mencari makna bagi perkataan tersebut di dalam kamus. Selanjutnya, guru boleh meminta pelajar meneroka perkataan lain dengan menggunakan sumber korpus yang bersesuaian. Oleh itu, sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) akan lebih bermakna kerana lebih berpusatkan pelajar manakala pelajar pula berinteraksi dengan bahan dan rakan-rakan sekelas semasa membuat laporan. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian korpus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ternyata menyenangkan guru untuk mengajar dan pelajar pula akan seronok untuk belajar memandangkan pengaplikasian korpus dalam pengajaran melibatkan penggunaan Teknologi Maklumat yang berkait rapat dengan jiwa remaja kini.

Sorotan Kosa Ilmu

Tumpuan terhadap sumbangan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa akan dibincangkan dalam bahagian ini. Sebenarnya, pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam menyeronokkan. Oleh hal yang demikian, guru perlulah bersikap inovatif dan kreatif untuk menyampaikan ilmu. Selain daripada bersikap kreatif dan inovatif, guru juga perlu menjadi pendorong dan pemudah cara kepada pelajar untuk meneroka ilmu baharu yang diketengahkan.

Pengaplikasian korpus terhadap pedagogi bahasa mula menarik minat pengkaji untuk diteliti sekitar tahun 1990-an. Kebanyakan kajian pada peringkat awal meneliti korpus sebagai bahan bantu mengajar adalah dalam mempelajari bahasa kedua. Hal ini demikian kerana penggunaan korpus sebagai sumber pengajaran bahasa dapat dilihat melalui sumbangannya dalam pemerolehan maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu bahasa (Cheng, 2010). Keadaan ini berlaku disebabkan penelitian konkordans kiri dan kanan dalam sistem korpus dapat

memberikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang. Meunier (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa korpus bermanfaat dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing dan pelbagai langkah boleh digunakan untuk meneroka kegunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa asing. Pengajaran bahasa dalam aspek sinonim telah menarik perhatian Jafarpour, Hashemian, dan Alipour (2013) untuk memanfaatkan korpus sebagai bahan bantu mengajar. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa data korpus dapat membantu untuk meningkatkan aspek penulisan pelajar bahasa kedua melalui penggunaan kata yang berkolokasi.

Di Malaysia, kajian berkaitan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dilakukan oleh Ejazi Yahaya, Mashudi Kader, dan Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin (2007) yang membincangkan penggunaan program *Wordsmith* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Mereka mendapati program ini dapat mengumpul, memproses dan menganalisis data yang ternyata dapat dijadikan bahan bantu mengajar yang sangat menarik.

Pangkalan data korpus untuk kegunaan murid sekolah rendah telah dibina oleh Lee dan Low (2011) menerusi sistem *Mybaca*. Maklumat berkaitan dengan buku teks Bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah rendah dapat diakses secara atas talian menerusi sistem ini. Sistem korpus ini menawarkan maklumat berkaitan dengan tujuh sifat perkataan dalam Bahasa Melayu yang dipelajari di sekolah rendah iaitu kekerapan perkataan itu hadir dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah, panjang sesuatu perkataan, kepanjangan fonem, bilangan suku kata, jenis infleksi, kategori perkataan, dan struktur suku kata.

Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Faizah Ahmad (2014) telah melakukan kajian berkaitan dengan korpus dalam pengajaran bahasa Melayu iaitu dengan memanfaatkan program daftar kata percuma dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian yang menumpukan aspek pengajaran tatabahasa ini mendapati bahawa daftar kata *Antconc* dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah sinonim. Kajian ini merupakan kajian yang membuka jalan kepada guru untuk memanfaatkan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kajian yang meneliti perisian *Antconc* dan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dilakukan oleh Ahmad Harith Syah, Zuraidah Mohd Sulaiman, dan Hoo Fang Jin (2016). Kajian ini telah mengaplikasikan penggunaan perisian *Antconc* bagi meneliti kerencaman makna dalam data korpus berbanding dengan makna yang terdapat dalam buku tatabahasa. Kajian ini ternyata amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memanfaatkan aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penelitian terhadap keupayaan data korpus untuk dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah sekali lagi dilakukan oleh Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Faizah Ahmad (2016). Dalam kajian ini, mereka masih menggunakan perisian program daftar kata *Antconc* dan turut menggunakan korpus bersumberkan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini merumuskan bahawa peningkatan tahap penguasaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dengan menggunakan perisian ini akan memberi kesan positif terhadap perkembangan pelajar.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti keupayaan korpus sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Secara umumnya, kajian ini akan menumpukan sistem korpus yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), *Malaycivilization-UKM*; Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM); dan *Malay Concordance Project* (MCP) yang dibangunkan oleh Australian National University (ANU). Melalui kajian ini, tanggapan guru

terhadap penggunaan korpus sebagai alat bantu mengajar akan diteroka di samping meneliti pandangan pelajar terhadap penggunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menumpukan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tanggapan guru dan pelajar berkaitan dengan penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Othman Lebar (2017) berpendapat kajian kualitatif bermatlamat yang sama iaitu untuk memahami realiti sosial, kelompok dan budaya. Hal ini bertujuan untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan, dan pengalaman manusia dalam mendepani kehidupan mereka.

Dalam kajian ini, perkara yang diteliti ialah keupayaan korpus sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Bagi mendapatkan data yang mendalam tentang kajian ini, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dengan peserta kajian dalam kalangan guru, dan *survey* dalam kalangan pelajar menggunakan *Google Forms*. Hasil daripada teknik pengumpulan data ini akan membolehkan huraian dan gambaran tentang keupayaan korpus sebagai alat pemudahcaraan dilakukan.

Tempat dan Peserta Kajian

Penelitian terhadap peserta kajian melibatkan tempoh selama tiga bulan yang melibatkan lima orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan 56 orang pelajar Tingkatan Enam Atas di sebuah sekolah Tingkatan Enam di daerah Padang Terap, Kedah. Pemilihan sekolah ini dilakukan memandangkan guru-guru di sekolah ini membudayakan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya bagi penyediaan Kerja Kursus (KK) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas Lima (910/5). Semasa kajian ini dilakukan, pelajar yang terlibat sebagai peserta kajian berada dalam Semester Tiga dalam pengajian Tingkatan Enam iaitu pelajar berada dalam Tingkatan Enam Atas.

Dalam kajian ini, penyelidik memanfaatkan kaedah pemerhatian, temu bual dalam kalangan guru, dan *survey* dalam kalangan pelajar dengan memanfaatkan *Google Forms* bagi mendapatkan data deskriptif tentang keupayaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Data dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian ATLAS.ti8 (Friese, 2019) di samping memanfaatkan teknik *Constant Comparative Method* (CCM) seperti yang disarankan oleh Glaser dan Strauss (1967).

Dapatan Kajian

Hasil daripada kajian ini, didapati peserta kajian iaitu lima orang guru Bahasa Melayu Tingkatan Enam bersetuju bahawa penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam menyenangkan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Hal ini diperincikan melalui analisis tematik daripada temu bual yang dilakukan bagi setiap peserta kajian. Hasil temu bual tersebut telah dikodkan di bawah tema 'senang' dan pengkaji mendapati beberapa subkod daripada tema 'senang' ini telah diperolehi.

Penggunaan korpus menyenangkan guru mengajar kerana mudah digunakan. Subtema 'mudah' merupakan subtema yang dipersetujui oleh semua peserta kajian dalam kalangan guru kerana

mereka sedar bahawa korpus mudah untuk digunakan di mana-mana sahaja asalkan mempunyai jaringan internet. Pernyataan ini diperincikan melalui petikan temu bual berikut:

“Guna korpus ni memang **mudah** la... Semua dah ada, **mudah** sebab dia dah tersedia.” (240819/T1/GBMT6a)

“Guna korpus ni **mudah** sebab cara penggunaan dialah. Di mana dia telah tekal dia punya sistem dia tu kan? Jadi, semua perkataan yang kita nak cari makna dan sebagainya, sumber tu ada dekat situ.”

“Haaa... macam tu la sebab dia sumber yang kita **mudah** cari untuk mendapatkan maklumat kan berkaitan dengan kata, berkaitan dengan morfologi la kan? Sebab tu la dia **mudah**.” (250819/T1/GBMT6b)

“**Lebih mudah**. Pencarian lebih fokusnya untuk Kerja Kursuslah. Pelajar **lebih mudah** mendapatkan data, kemudian menjimatkan masa, mmmm... cara menganalisis pun mudah sebab semua dah terjana dalam data tu.” (010919/T1/GBMT6c)

“Ya..., saya nampak ada satu perkembangan positif ya dalam kalangan pelajar sendiri aaaa... terutamanya dalam mencari maklumat-maklumat ya untuk melengkapkan kajian mereka. Sebab kalau sebelum ini, pelajar-pelajar terpaksa mengakses data-data ataupun maklumat-maklumat ya melalui bahan-bahan seperti majalah atau buku, novel dan sebagainya bergantung kepada tajuk kajian depa la. Ikut depa la kan. Tapi kita tengok hari ni pelajar dia semakin **mudah**, dan depa pun semakin bersemangat. Saya nampak pelajar pun semakin bersemangat untuk melaksanakan tugas tu kerana tugas ataupun kerja mereka ni **dipermudahkan** dengan adanya apa nama...korpus.” (260819/T1/GBMT6d)

“Sebenarnya apabila kita menggunakan korpus dalam PdPc, memang dia **memudahkan** pelajar, aaa..terutamanya apabila pelajar ni menggunakan untuk mendapatkan sesuatu perkataan. Jadi dengan mendapatkan maklumat daripada data korpus tu, pelajar dapat...**mudah** la untuk mendapat maklumat satu perkataan tu. Contoh kata, pelajar nak cari perkataan ‘jatuh’, jadi pelajar hanya akses daripada data korpus melalui senarai bahan yang disertakan, surat khabar, majalah, jurnal ka, jadi dari situ, pelajar *search* perkataan tu nanti dia akan papar dan pelajar boleh analisis.” (270819/T1/GBMT6e)

Subtema menjimatkan masa turut menjadi faktor guru senang untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Analisis dapatan temu bual mendapati kebanyakan guru bersetuju bahawa penggunaan korpus menjimatkan masa untuk mencari maklumat tentang pengajaran bahasa kerana maklumat berada pada hujung jari. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

Lebih mudah. Pencarian yang lebih fokusnya untuk kerja kursuslah. Pelajar lebih mudah mendapatkan data, kemudian **menjimatkan masa**, mmm...cara menganalisis pun mudah sebab semua dah terjana dalam data tu. (010919/T1/GBMT6c)

Korpus ni **menjimatkan masa**. Berbanding dulu, kita terpaksa ke pusat sumber untuk membelek satu per satu halaman majalah, akhbar ataupun buku-

buku untuk mendapatkan apa-apa data yang berkaitan dengan kajian yang kita buat tu. Tapi hari ni, dengan hanya menekan butang, semua maklumat terpapar di depan. (260819/T1/GBMT6d)

Dari satu segi, memang **sangat-sangat menjimatkan masa** la. Pelajar tak perlu... kalau menggunakan buku, dia pelajar tadi dia perlu membaca... aaa mungkin dalam satu muka surat tu belum tentu ada perkataan tadi. Perkataan jatuh yang kita nak cari. Haa...mungkin dia perlu membaca, kena membuka banyak muka surat aaa baru kita dapat menjumpai perkataan tersebut. Tetapi dengan menggunakan data korpus, dengan menaip perkataan jatuh, kita dapat perkataan jatuh tu apa ni... akan terpapar dengan banyak sekali lah. Beratus-ratus macam tu. (270819/T1/GBMT6e)

Selain daripada subtema mudah dan menjimatkan masa, dapatan temu bual juga mendapati korpus menyenangkan guru mengajar kerana sifatnya yang dikodkan di bawah subtema 'cepat'. Hal ini dapat diteliti menerusi pernyataan berikut:

"Memang...memang dia akan lebih memudahkan pemahaman, lagi **cepat** la, lagi **cepat**. Cumanya kita perlu lebih bersedia la, bukannya masa tu kita baru nak cari apa, dak la. So... modul pun kena ada la. Modul tu kena ada baru cantik." (240819/T1/GBMT6a)

"Tapi... dengan penggunaan data korpus, saya nampak *progress* kerja tu... **cepat**, dan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan untuk mereka hantar semua bahan tu." (260819/T1/GBMT6d)

Ya..saya rasa memang sangat sesuai dan mmm...sangat sesuai dengan zaman sekarang sebab semua aaa...mereka perlu pantas. Perlu cepat. Jadi, dengan menggunakan data korpus, dengan masa yang sangat singkat, dengan perkataan yang dijana tu, bahan yang kita perlukan pun banyak, **cepat** la. Mudah la untuk pelajar tu. (270819/T1/GBMT6e)

Data terjana turut menjadi sebab semua guru yang ditemu bual bersetuju bahawa korpus menyenangkan mereka untuk mengajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, data dalam sesuatu pangkalan korpus dapat dijana dengan senang dan mudah hanya berpandukan kata kunci yang diperlukan sahaja. Oleh itu, penggunaan korpus sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam sangat menyenangkan dan memudahkan pelajar memperoleh maklumat tambahan tentang aspek-aspek bahasa yang diajar oleh guru. Hal ini dapat diteliti melalui pernyataan berikut:

Korpus tu... dia macam satu bank, **semua ada dalam tu**. So, bila kita dah gunakan, semua dah ada, so... dia mempercepatkan dan menyelesaikan kerja yang kita nak buat tu kan? Serentak dengan tu semuanya ada, kan dak? Aaaa. tak kena rujuk sana, tak kena rujuk sini, tak kena cari sana, tak kena cari sini, **semuanya dah ada dalam tu**. (240819/T1/GBMT6a)

Dalam PdPc dia membantu la sebenarnya. Dia membantu. Aaa...tapi sebenarnya sumber rujukan lain pun ada. Cuma **korpus ni dia lebih mudah sebab dia dah kod siap-siap dah benda-benda yang kita nak** kan? Sebagai *source*

untuk dapatkan perkataan-perkataan tertentu yang kita nak kan? Perkataan-perkataan berkaitan dengan linguistik, kan? (250819/T1/GBMT6b)

Dari segi membantu tu, banyak membantu... Sebab kita pun tak payah pening-pening sebab **data yang terjana** tu...Data tu **memang dah ada**...(010919/T1/GBMT6c)

Aaaa... kalau kita tengok, maklumat (ehemmm) data korpus ni berada di hujung jari sahaja. Korpus ni menjimatkan masa. Berbanding dulu, kita terpaksa ke pusat sumber untuk membelek satu per satu halaman majalah, akhbar ataupun buku-buku untuk mendapatkan apa-apa datalah yang berkaitan dengan kajian yang kita buat tu. Tapi hari ni, **dengan hanya menekan butang, semua maklumat terpapar di depan**. (260819/T1/GBMT6d)

Ya, memang sangat baik sebab menjimatkan masa, **dapat mendapatkan maklumat dengan pantas. Dan dengan menggunakan teknologi tu, pelajar dapat sangat mudah dapat bahan yang diperlukan** terutamanya sekali untuk melaksanakan Kerja Kursus. (270819/T1/GBMT6e)

Analisis dapatan temu bual dengan memanfaatkan *Constant Comparative Method* mendapati, korpus menyenangkan guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kerana penggunaan korpus adalah, mudah, menjimatkan masa, cepat, dan data sedia terjana. Berikut ialah analisis yang diperoleh daripada data temu bual yang telah dilakukan.

JADUAL 1
Analisis *Contant Comparative Method* dalam Kalangan Peserta Kajian


Tema	Subtema	GBMT6a	GBMT6b	GBMT6c	GBMT6d	GBMT6e
Senang	Mudah	/	/	/	/	/
	Jimat	/		/	/	/
	Cepat	/		/	/	/
	Data terjana	/	/	/	/	/

Berdasarkan Jadual 1, semua peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam adalah senang kerana mudah untuk digunakan di samping data tentang sesuatu perkataan/leksis yang diperlukan itu sedia terjana. Empat daripada lima orang peserta kajian bersetuju bahawa korpus menyenangkan pengajaran Bahasa Melayu kerana menjimatkan masa guru dan pelajar untuk mendapatkan maklumat kebahasaan berkaitan dengan topik yang dipelajari. Di samping menjimatkan masa, empat daripada lima orang peserta kajian dalam kalangan guru bersetuju bahawa penggunaan korpus akan menyebabkan mereka cepat mendapat maklumat berbanding dengan kaedah biasa. Oleh hal yang demikian, penggunaan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu menjadikan guru senang untuk mengajar berbanding dengan kaedah konvensional. Dapatan ini menunjukkan bahawa korpus boleh diupayakan sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu memandangkan data yang terjana merupakan data yang autentik dan memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam konteks sebenar. Selain itu, semua guru bersetuju bahawa penggunaan korpus membekalkan data yang tepat kerana data yang tersedia terjana mengikut kekerapan kehadirannya dalam sesuatu teks. Oleh itu, mereka sangat setuju

korpus sesuai dijadikan sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.


Analisis *survey* menerusi *Google Forms* dalam kalangan pelajar mendapati *survey* ini telah dijawab oleh 57 orang pelajar yang terdiri daripada tujuh orang pelajar lelaki dan 50 orang pelajar perempuan yang berusia 19 tahun dan sedang menuntut dalam Tingkatan Enam Atas. Hal ini dapat diteliti melalui Rajah 5 berikut:

RAJAH 5: Jantina Pelajar




Dapatan daripada analisis mendapati, kebanyakan pelajar terdedah kepada korpus semasa mereka berada dalam Semester Tiga iaitu semester akhir pengajian Tingkatan Enam. Hal ini dapat dilihat dalam graf berikut:

RAJAH 5: Semester Terdedah Kepada Korpus



Berdasarkan Rajah 5 tersebut, 50 orang pelajar menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada korpus semasa berada dalam Semester Tiga Tingkatan Enam kerana pada semester ini, mereka perlu menghasilkan Kerja Kursus (KK) bagi Kertas Lima Bahasa Melayu Semester Tiga (910/5). Oleh hal yang demikian, guru Bahasa Melayu mereka mendedahkan penggunaan korpus bagi memudahkan pencarian data bagi kajian berkaitan dengan tema yang terdapat dalam Kerja Kursus (KK) tersebut.

Analisis dapatan kajian menunjukkan, pelajar berasa seronok untuk belajar menggunakan korpus kerana memudahkan mereka untuk mendapatkan data. Hal ini dapat dilihat dalam rajah berikut:



RAJAH 6: Bilangan/peratusan pelajar seronok menggunakan korpus

Berdasarkan Rajah 6, seramai 55 orang pelajar menyatakan bahawa mereka seronok menggunakan korpus berbanding dengan dua orang pelajar menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada mereka seronok atau tidak menggunakan korpus. Penelitian lanjut mendapati bahawa dua orang pelajar ini berpendapat sedemikian kerana mereka tidak didedahkan oleh guru tentang penggunaan korpus dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kebanyakan pelajar menjelaskan bahawa mereka seronok menggunakan korpus kerana sifatnya yang mudah, cepat, tepat, senang, dan maklumat yang diperolehi adalah lengkap. Hal ini dapat dilihat dalam analisis *wordcloud coding* dalam *survey* yang dilakukan.



RAJAH 7: *wordcloud coding* pelajar seronok menggunakan korpus

Berdasarkan Rajah 7, analisis data mendapati, kebanyakan pelajar menyatakan mereka seronok menggunakan korpus kerana penggunaan korpus memudahkan, mudah dan memudahkan mereka untuk mendapatkan data. Hal ini disokong dengan dapatan data dapat diperolehi dengan mudah di samping data dapat diakses dengan cepat. Tambahan pula, penggunaan korpus dapat membekalkan data dengan tepat selain mereka senang untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan menggunakan korpus. Selain itu, pelajar berasa seronok apabila menggunakan korpus kerana korpus memberi maklumat penggunaan bahasa dalam ayat yang lengkap dan hal ini memudahkan mereka mengemukakan contoh ayat dalam kajian Kerja Kursus mereka. Ketepatan maklumat yang diperolehi melalui korpus dan penggunaan korpus dapat menambahkan pengetahuan mereka juga antara faktor mereka seronok belajar Bahasa Melayu berbantuan korpus.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian dalam kalangan guru bersetuju bahawa penggunaan korpus akan menyebabkan mereka senang untuk mengajar kerana sifatnya yang mudah, cepat, menjimatkan masa, dan data sedia terjana. Hal ini dikatakan demikian kerana korpus membekalkan data atau maklumat yang diperlukan dengan pantas berbanding dengan kaedah konvensional yang memerlukan pembacaan dan penelitian terhadap bahan bacaan tertentu yang mengambil masa.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 96.3 peratus pelajar seronok menggunakan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini memberi isyarat bahawa korpus merupakan alat yang mampu memberikan kesan yang sangat besar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah kerana memudahkan pelajar mendapatkan data atau maklumat yang diperlukan dalam mempelajari topik-topik tertentu dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Rumusan

Semua peserta kajian tahu tentang korpus dan bersetuju bahawa korpus memudahkan pengajaran Bahasa Melayu. Namun demikian, pengaplikasian korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu hanya dilakukan dalam penghasilan Kerja Kursus (KK) bagi Bahasa Melayu Kertas Lima (910/5) semasa pelajar berada dalam Semester Tiga sahaja. Hal ini demikian kerana guru-guru berpendapat korpus dapat menjimatkan masa pelajar untuk mendapatkan data kajian berbanding dengan kaedah pembacaan biasa. Ternyata, pengaplikasian korpus dalam penghasilan Kerja Kursus (KK) bagi kertas 910/5 ini menyeronokkan pelajar untuk belajar kerana memberi kesan positif terhadap penghasilan Kerja Kursus (KK) yang lebih berkualiti di samping mereka dapat menyiapkannya dengan lebih cepat daripada kebiasaan. Oleh hal yang demikian, terbukti bahawa korpus dapat dijadikan bahan bantu mengajar seperti kajian Asik (2017) kerana korpus berupaya untuk dijadikan sebagai alat pemudahcaraan dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana dengan penggunaan korpus, bukan sahaja menyenangkan guru untuk mengajar Bahasa Melayu tetapi juga menyeronokkan pelajar untuk belajar Bahasa Melayu.

Cadangan

Penyelidikan berkaitan dengan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu perlu diteruskan dan diperluas memandangkan potensinya dalam mempromosikan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) selain memenuhi tuntutan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sehubungan dengan hal itu, kajian ini perlu diperluas hingga ke peringkat kebangsaan. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan ini, pendedahan awal kepada guru perlu dilakukan bagi mendedahkan perihal korpus kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi membolehkan mereka memanfaatkan korpus dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, korpus juga perlu dipromosikan untuk pengajaran di dalam bilik darjah dan bukan hanya digunakan untuk mendapatkan data bagi menghasilkan Kerja Kursus semata-mata.

Rujukan

- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf, Zuraidah Mohd. Sulaiman, Jing, H.F., dan Raihan Ibrahim. (2016). *Pendekatan data korpus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. National Conference of Research on Language Education 2016. 22- 23 August 2016, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia.
- Asik, A. (2017). A Sample Corpus Integration in Language Teacher Education Through Coursebook Evaluation. *Journal of Language and Linguistics Studies*. 13(2), 728-740.
- Chambers, A., Farr, F., & O'Riordan, S. (2011). Language teachers with corpora in mind: From starting steps to walking tall. *The Language Learning Journal*. 39 (1), 85-104. DOI: 10.1080/09571736.2010.520728

- Cheng, W. (2010). What can a corpus tell us about language teaching? Anne O'Keeffe and Micheal Mc Carthy. (Eds). *The Routledge Handbook of Corpus Linguistics*. New York: Routledge.
- Conrad, S. (2005). Corpus linguistics and L2 teaching. In Eli Hinkel(ed.) *Handbook of research in second language teaching and learning*. (pp393- 400). London: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Data Korpus*. Capaian pada 29 April 2017 dari <http://www.lamandbp.gov.my>
- Ebrahim Panah, Melor Md. Yunus, Mohamad Amin Embi & Siti Nordiana Kamaruzaman. (2014). Corpora and Language Learning Improvement: Implication for the Gifted Students. *Proceedings IC-GATE 2014: Celebrating Diversity in Giftedness*. 8- 10 December 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat PERMATA Pintar Negara, 116-120.
- Ejazi Yahaya, Mashudi Kader dan Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin. (2007). Program Wordsmith: Suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berbantuan komputer. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 7 (1), 13-19.
- Flowerdew, L. (2010). *Corpora and language education*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Friese, S. (2019). *Qualitative data analysis with ATLAS.ti*. SAGE Publication Limited: United Kingdom.
- Glaser, R. & Strauss, R. (1967). *The discovery of grounded theory*. Chicago: Aldine.
- Hishamudin Isam, Faizah Ahmad & Mashetoh Abd. Mutalib. (2014). Wajaran penggunaan data korpus dalam penulisan ilmiah: Dimensi baharu sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2), 67- 77.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib, & Faizah Ahmad . (2016). Korpus ke bilik darjah: Tatacara pengendalian teknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berbantu komputer. *Proceeding of ICECRS, International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. UUM-UMSIDA, 25 – 27 Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Jafarpour, Hashemian, dan Alipour. (2013). A corpus-based approach toward teaching collocation of synonyms. *Academy Publisher*, 3 (1), 51-60.
- Lee, L. W. dan Low, H. M. (2011). Developing an online Malay language word corpus for primary schools. *International Journal of Education and Development Using Information and Communication Technology* 7(3):96-101.
- Li, K. Z. (2015). The Use of Concordance Programmes in English Lexical Teaching in High School. *Higher Education of Social Sciences*. 8(1), 60- 65.
- Meunier, F. (2011). *Corpus linguistics and second/foreign language learning: exploring multiple paths*. Capaian pada 20 April 2017 dari <http://www.scielo.br/scielo>.

O’Keeffe, A., Mc. Carthy, M., & Carter, R. (2007). *From corpus to the classroom: Language use and language teaching*. New York: Cambridge University Press.

Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Reppen, R. (2010). *Using corpora in the language classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rusli Abdul Ghani, Nor Hafizah Mohamed Husin dan Chin Lee Yim. (2004). *Pangkalan data korpus DBP: Perancangan, pembinaan dan pemanfaatan*. Capaian pada 8 Ogos 2016, dari <http://www.korpusdbp.pdf>

Penghargaan

*Penulisan kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan yang sedang diusahakan oleh penulis (Naemah Md. Noor), bersama-sama penyelia (Dr. Mohammad Syawal Narawi dan PM Dr. Mohd. Isha Awang) di Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.